



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;

ZAKAT

KUNCI KEBERKATAN



ISLAMIC SAVOIR- OBEEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





“ZAKAT KUNCI KEBERKATAN”.1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَابِلِ : وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَعَاتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنْفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ.	
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	4
Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.	5
Pada hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk “ZAKAT KUNCI KEBERKATAN”.	6



Imam al-Nawawi *Rahimahullah* menjelaskan dalam *Syarah Sahih Muslim* bahawa barakah membawa maksud pertambahan dan berterusan menikmati sesuatu kebaikan. Hakikat barakah bukan sekadar terlihat pada banyaknya nikmat secara zahir, tetapi mencakupi rasa *qana'ah* iaitu berasa cukup dan kelapangan pada sudut rohani dan jasmani yang Allah SWT tanamkan dalam jiwa dan kehidupan seorang hamba, sebagai natijah istiqamahnya dalam ketaatan kepada Allah SWT.

7

Justeru, barakah inilah yang mesti dicari, kerana ia menjadi teras kepada kelangsungan hidup yang tenteram di dunia dan kebahagiaan hakiki di alam yang kekal abadi. Tanpa barakah, sebanyak mana pun harta atau kemewahan yang dimiliki, lebih-lebih lagi jika diperoleh dengan cara yang salah atau tidak menunaikan hak-hak orang lain, maka hatinya tetap akan berasa sempit, kosong dan tidak pernah merasa cukup.

Dalam pada itu, menunaikan zakat adalah salah satu pintu utama untuk memperoleh keberkatan kerana dengan zakat yang kita tunaikan, sebenarnya dapat menyucikan harta dan mengembangkannya. Mereka yang menunaikan zakat dengan penuh keimanan dan ketaatan, rezekinya bukan sahaja dicukupkan, bahkan urusan kehidupannya dipermudahkan. Maka tidak tepatlah jika ada anggapan bahawa zakat ini mengurangi harta atau sekadar disamakan dengan cukai dan bebanan kewangan yang lain, kerana hakikatnya zakat adalah ibadah yang membuka pintu keberkatan, bukan sesuatu yang merugikan.

8



Pada tahun 2024 sahaja, data menunjukkan hanya 380,000 rakyat Muslim Negeri Selangor yang menunaikan zakat. Angka ini hanyalah kira-kira 20 peratus daripada jumlah umat Islam yang sepatutnya menunaikan kewajipan tersebut. Realiti ini memberi isyarat yang jelas bahawa masih ramai umat Islam di negeri ini yang belum menyempurnakan rukun Islam yang ketiga mungkin kerana sikap lalai, jahil atau ingkar terhadap fatwa serta ketetapan pihak berkuasa agama berhubung kewajipan membayar zakat di Negeri Selangor.	9
Ketahuilah bahawa jumlah asnaf di Selangor amat besar dan memerlukan perhatian serius daripada kita semua. Golongan fakir dan miskin sahaja telah melebihi 70,000 keluarga yang bergantung kepada bantuan zakat bagi kelangsungan hidup. Bagi tempoh Januari hingga September 2025, Lembaga Zakat Selangor telah mengagihkan sebanyak RM916 juta, untuk pelbagai keperluan asas seperti sewa rumah, pendidikan, rawatan kesihatan, kebajikan muallaf dan elaun guru KAFA. Suatu gambaran jelas betapa luasnya amanah zakat dan betapa besar harapan umat kepada golongan yang berkemampuan agar menunaikan kewajipan ini dengan penuh tanggungjawab dan keinsafan.	10
Selaras dengan hasrat dan titah DYMM Sultan Selangor, kewajipan zakat hendaklah ditunaikan di Negeri Selangor dan tidak dialihkan ke tempat lain tanpa keperluan yang sah. Warta Kerajaan Negeri Selangor (Januari 2025) turut menegaskan melalui satu fatwa yang diperkenankan baginda, bahawa Badan Bukan Kerajaan atau Non-Governmental Organization (NGO), individu atau badan lain yang membuat kutipan zakat di Negeri Selangor atau mengagihkannya tanpa izin Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui Majlis Agama Islam Selangor atau Lembaga Zakat Selangor adalah tidak sah mengikut hukum syarak. Ketetapan ini bertujuan memastikan zakat sampai kepada asnaf yang berhak, selaras dengan kaedah pengurusan yang teratur dan amanah.	11



Zakat bukan sekadar tuntutan syarak, tetapi ia adalah manifestasi keimanan dan ketakwaan yang membawa keberkatan. Dengan keberkatan inilah, kehidupan kita akan diisi ketenangan, rezeki yang mencukupi, serta limpahan rahmat Allah SWT yang dapat dinikmati bersama keluarga dan masyarakat.

12

Marilah sama-sama kita lihat dan meneliti bagaimana zakat menjadi kunci keberkatan dalam kehidupan:

Pertama, zakat menyuburkan rezeki seseorang. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Baqarah ayat 261:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ
سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ ۗ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ ۚ وَاللَّهُ وَاسِعٌ
عَلِيمٌ

13

“Perumpamaan (derma dan nafkah yang dikeluarkan oleh) mereka yang membelanjakan hartanya di jalan Allah adalah seperti sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai dan pada setiap tangkai terdapat seratus biji. Allah melipatgandakan (ganjaran) bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui.”

14



Para ulama tafsir menjelaskan bahawa ayat ini menggambarkan kemurahan Allah SWT yang memberi ganjaran berlipat kali ganda kepada mereka yang membelanjakan harta pada jalan-Nya. Hal ini termasuklah mana-mana bentuk pemberian seperti sedekah dan zakat. Perumpamaan benih itu menunjukkan bahawa setiap sedekah dan zakat biar sekecil apa sekalipun, akan menumbuhkan pahala yang besar, seperti mana satu biji benih yang menumbuhkan tangkai-tangkai dengan hasil yang lebih banyak.

15

Kedua, zakat tidak akan mengurangkan harta manusia. Ia bersandarkan kepada sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ

16

“Sedekah tidak akan mengurangkan harta.”

(*Riwayat Muslim*)

Hadis tersebut boleh difahami pada dua sudut. Imam al-Nawawi dalam Syarah Sahih Muslim menjelaskan bahawa harta yang disedekahkan akan terus bertambah disebabkan keberkatan yang diperolehi. Begitu juga akan ditambahkan pahala bagi orang yang bersedekah serta ganjaran yang berlipat kali ganda.

17



Ketiga, mendapat doa yang istimewa daripada malaikat sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيهِ إِلَّا مَلَكَانِ يَنْزِلَانِ، فَيَقُولُ أَحَدُهُمَا: اللَّهُمَّ
أَعْطِ مُنْفِقًا خَلْفًا، وَيَقُولُ الْآخَرُ: اللَّهُمَّ أَعْطِ مُمْسِكًا تَلَفًا

18

“Setiap pagi, ada dua malaikat turun (kepada setiap orang anak Adam). Salah seorang berdoa: ‘Ya Allah, berilah ganti kepada orang yang berinfaq (termasuk zakat),’ manakala yang satu lagi berkata: ‘Ya Allah, binasakanlah harta orang yang kedekut.’”

(*Riwayat al-Bukhari*).

19

Imam Ibnu Battol di dalam Syarah Sahih al-Bukhari menyatakan, hadis ini merupakan satu galakan untuk menginfakkan harta sama ada dalam bentuk zakat, menunaikan nafkah mahupun bersedekah. Mereka yang menginfakkan harta pada jalan Allah SWT akan didoakan oleh para Malaikat dan doa para Malaikat itu mustajab.

20



Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita mengambil pengajaran untuk dijadikan pedoman kehidupan kita:

1. Kita perlu memahami bahawa zakat adalah ibadah yang mampu menjemput keberkatan daripada Allah SWT, membawa kebaikan dan kesejahteraan kepada kehidupan kita di dunia dan di akhirat.
2. Kita hendaklah sedar bahawa zakat menjadi medium untuk membersihkan harta dan jiwa, menjauhkan sifat kedekut dan tamak, serta menumbuhkan sifat dermawan dan kasih sayang dalam diri kita.
3. Kita hendaklah mentaati titah DYMM Sultan Selangor dengan menunaikan zakat mengikut ketetapan fatwa, iaitu mereka yang bekerja atau menetap di negeri Selangor mesti menyalurkan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, yang akan memastikan semua asnaf yang berhak menerima bantuan disantuni dengan sebaik-baiknya.

21

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ
وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ.

22

“Sesungguhnya penolong kamu hanyalah Allah dan Rasul-Nya dan orang-orang yang beriman, mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat serta mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah)”.

23

(Surah al-Maidah: 55).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.	24
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ	25



KHUTBAH KEDUA

1	اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِيْ اَنْزَلَ الشَّرِيْعَةَ هُدًى لِّلنَّاسِ وَرَحْمَةً، اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلَهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهٗ، وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهٗ وَرَسُوْلُهٗ.
2	. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهٖ وَاَصْحَابِهٖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلٰى يَوْمِ الدِّيْنِ.
3	اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ اتَّقُوا اللّٰهَ اَوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.
4	اِنَّ اللّٰهَ وَمَلٰٓئِكَتُهٗ يُصَلُّوْنَ عَلٰى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَیْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيْمًا. ¹
5	اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهٖ وَاَصْحَابِهٖ اٰجْمَعِيْنَ.
6	اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمٰتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنٰتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.
7	اللّٰهُمَّ اَعِزِّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشَّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ، وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاجْعَلْ هٰذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّظْمًئًا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

¹ Al-Ahzab: 56.



8	اللَّهُمَّ وَفِّقْ أَيْمَةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ لِمَا فِيهِ صَلَاحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.
9	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،
10	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُور، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
11	وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُور، تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.
12	اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.
13	Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Radiallahuanhum. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk penyelewengan, kesesatan, syirik dan khurafat, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.



Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah seperti jenayah membunuh, perbuatan buli serta menzalimi orang lain. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.	14
Ya Allah! Kurniakanlah ganjaran pahala kepada pembayar zakat, berkatilah umur dan harta mereka, gantikanlah zakat yang mereka tunaikan dengan perkara yang lebih baik, serta jadikanlah ia sebagai penyuci daripada segala dosa.	15
Ya Allah! bukannya hati umat Islam yang layak menunaikan zakat agar melaksanakan tuntutan kefarduan terhadap harta mereka. Jauhkanlah kami daripada sifat bakhil, suburkanlah rasa kasih sayang dan satukanlah hati-hati kami dalam kebaikan.	16
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.²	17
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.³	18

² Al-Baqarah: 201.

³ Al-Nahl: 90.



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ
مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.